

Money Policy

WHEREAS the Insured named in the Schedule hereto has made to Zurich General Insurance Malaysia Berhad (hereinafter called the "Company") a Proposal and Declaration which shall be the basis of the contract and which is deemed to be incorporated herein and has paid or agreed to pay the Premium stated in the aforesaid Schedule as consideration for the Indemnity hereafter contained.

NOW THIS POLICY WITNESSETH subject to the Terms Exceptions Limits and Conditions contained herein or endorsed hereon the Company will indemnify the Insured against loss of money, i.e. cash, bank notes, currency notes, cheques, bills of exchange, postal orders, money orders, postage or other stamps having a monetary value by any cause whatsoever under the "Circumstances" described herein actually occurring within the territorial limits and during the Period of Insurance as stated in the Schedule hereto or during any other further period for which the Company may accept payment for the renewal or extension of this Policy.

EXCEPTIONS

The Company shall not be liable in respect of :-

1. Shortages due to clerical or accounting errors and loss due to errors in receiving or paying out.
2. Loss or damage by or through the collusion of or the fraudulent embezzlement by or the fraudulent misappropriation by the Insured or any person or persons in the service of the Insured.
3. Loss or damage arising from an unattended vehicle.
4. Loss or damage occurring on premises which at the time of loss or damage are closed unless the money is in a locked safe or strong room.
5. Loss or damage occurring outside the territorial limits stated in the Schedule.
6. Any consequential loss whatsoever.
7. Loss or damage directly or indirectly occasioned by, happening through or in consequence of war, invasion, act of foreign enemy, hostilities (whether war be declared or not), civil war, rebellion, revolution, insurrection, riot, strikes, civil commotion, military or usurped power, or confiscation or destruction by order of any Government or Public Authority or by any direct or indirect consequences or any of the said occurrences and in the event or any claim hereunder the insured shall prove that the accident, loss or damage arose independently of and was in no way connected with or occasioned by or contributed to by or traceable to any of the aforesaid occurrences or any consequences thereof and in default of such proof the Company shall not be liable to make any payment in respect of such a claim.
8. Loss or damage to any property whatsoever or any loss or expense whatsoever resulting from or arising therefrom or any consequential loss or any liability of whatsoever nature:
 - (a) Directly or indirectly caused by or contributed to by or arising from ionising radiations or contamination by radioactivity from any nuclear fuel or from any nuclear waste from the combustion of nuclear fuel. For the purpose of this Exception combustion shall include any self-sustaining process of nuclear fission.
 - (b) Directly or indirectly caused by or contributed to by or arising from nuclear weapons material.
 - (c) Any act of terrorism
9. Loss or damage directly or indirectly occasioned by, happening through or in consequence of depreciation confiscation requisition and compulsory sale (whether statute or otherwise) or seizure by any Authority.

THE CIRCUMSTANCES

SECTION A: MONEY IN TRANSIT:

- (i) From the Bank to the Insured's Premises for the payment of wages, salaries, other earnings or petty cash from the time the money is received at the Bank by the authorised employees or representatives of the Insured until delivered at the Insured's Premises and (except in regard to petty cash) whilst there until paid out; provided that all money not paid out on the day on which it is received from the Bank, be secured in the Insured's locked safe or strongroom after business hours. Cheques drawn by the Insured to provide for such payments are covered in transit from the Insured's Premises to the Bank.
- (ii) From the Insured's Premises to the Bank whilst in the personal custody of the Insured's authorised employees or representatives.
- (iii) From the time of receipt and until delivered to the Insured's Premises or Bank by the Insured's authorised employees or representatives provided that all money be so delivered on the same day as received.

SECTION B: MONEY IN LOCKED SAFE/STRONGROOM

Money in Insured's locked safe or strongroom following forcible and violent entry upon the Premises or as a result of armed robbery or robbery with violence and provided that the Insured shall keep a complete record of the amount of cash in locked safes and strongrooms and provided, further, that the liability of the Company shall be limited to the amount of cash shown by the record to be in the said safes or strongrooms at the time of loss.

IT IS WARRANTED that this Insurance does not cover loss of money from safes or strongrooms following the use of keys to the said safes or strongrooms unless the keys are obtained by threat or violence.

IT IS FURTHER WARRANTED that whenever the Premises are left unattended, the keys and record of combination numbers are removed from the Premises by the Insured or some other responsible person nominated by him.

SECTION C: DAMAGE TO SAFES

Damage to Insured's safes or strongrooms following forcible and violent entry upon the Premises or as a result of armed robbery with violence.

Subject to the Limits of Liability stated in the Schedule.

CONDITIONS

This Policy and the Schedule shall be read together as one contract and any word or expression to which a specific meaning has been attached in any part of this Policy or of the Schedule shall bear such specific meaning wherever it may appear.

1. The due observance and fulfilment of the Terms Conditions and Endorsements of this Policy in so far as they relate to anything to be done or complied with by the Insured shall be conditions precedent to any liability of the Company to make any payment under this Policy.
2. Immediately upon the happening of any event giving rise or likely to give rise to a claim under this Policy, the Insured shall:
 - a) Give notice to the Police and render all reasonable assistance in causing the discovery and punishment of any guilty person or persons and in tracing and recovering the property.
 - b) Give notice thereof to the Company in writing and within 7 days thereafter deliver to the Company a claim in writing and supply all such detailed particulars, proofs and evidence in support of such a claim as may be reasonably required by the Company.
3. All notices required to be given by the Insured to the Company must be in writing addressed to the Company and notice or knowledge of anything relating to this Policy or any claim hereunder shall not be deemed to be notice to or within the knowledge of the Company unless so given, and no alteration in the terms of this Policy nor any endorsement thereon will be held valid unless the same is signed or initialled by an authorized representative of the Company.
4. The Company may at any time by giving 7 days' notice to the Insured by registered letter at the Insured's address as last known to the Company be at liberty to cancel this Policy provided that the Company shall in that event on demand return to the Insured a proportionate part of the Premium corresponding to the unexpired Period of Insurance. This Policy may be cancelled at any time by the Insured on 7 days' notice to the Company and in such an event the Insured shall be entitled to a return premium less premium at the Company's Short Period Rates for the time the Policy has been in force during the current Period of Insurance.

5. The Company may at any time at its own expense use all legal means in the name of the Insured for recovery of any of the property lost and which forms the subject of a claim under this Policy and the Insured shall give all reasonable assistance for that purpose. Any money recovered after the settlement of any claim hereunder shall be the property of the Company not exceeding however the amount paid by the Company in respect of such claim.
6. The Premium hereunder and all Renewal Premiums that may be accepted in respect of the transit risks are to be regulated by the amount of money as described in the Schedule covered during the current Period of Insurance. A proper record shall be kept in the books of the Insured of all such money in transit so insured. The Insured shall at all times allow the Company to inspect such books and within 30 days from the expiry of each Period of Insurance shall supply the Company with a correct account of all such money in transit by this Policy during the said period. If the ascertained amount shall differ from the estimated amount on which premium has been paid the difference in premium shall be met by a further proportionate payment to the Company or by a refund by the Company as the case may be.
7. If at the time of the happening of any loss covered by this Policy there shall be subsisting any other insurance of any nature whatsoever covering the Property Insured or any part thereof, whether effected by the Insured or not, then the Company shall not be liable to pay or contribute more than its rateable proportion of any such loss.
8. Nothing contained herein shall give any rights against the Company to any person other than the Insured and the Company will not be bound by any passing in the interest of the Insured otherwise than by death unless and until the Company shall by endorsement hereon declare the insurance to be continued.
9. If the Proposal or Declaration of the Insured is untrue in any respect or if any material fact affecting the risk be incorrectly stated herein or omitted therefrom or if this insurance or any renewal thereof shall have been obtained through any misstatement, misrepresentation or suppression or if any claim made shall be fraudulent or exaggerated or if any false declaration or statement shall be made in support thereof then in any of these cases this Policy shall be void.
10. All differences arising out of this Policy shall be referred to the decision of an Arbitrator to be appointed in writing by the parties in difference or if they cannot agree upon a single Arbitrator to the decision of two Arbitrators one to be appointed in writing by each of the parties within one calendar month after having been required in writing to do so by either of the parties or in case the Arbitrators do not agree of an Umpire appointed in writing by the Arbitrators before entering upon the reference. The Umpire shall sit with the Arbitrators and preside at their meetings and the making of an Award shall be a condition precedent to any right of action against the Company. If the Company shall disclaim liability to the Insured for any claim hereunder and such claim shall not within twelve calendar months from the date of such disclaimer have been referred to arbitration under the provisions herein contained then the claim shall for all purposes be deemed to have been abandoned and shall not thereafter be recoverable hereunder.
11. It is a fundamental and absolute special condition of this contract of Insurance that the premium due must be paid and received by the Company within sixty (60) days from the inception date of this Policy/Endorsement/Renewal Certificate. If this condition is not complied with then this contract is automatically cancelled and the Company shall be entitled to the pro rata premium for the period they have been on risk. Where the premium payable pursuant to this warranty is received by an authorised agent of the Company, the payment shall be deemed to be received by the Company for the purposes of this warranty and the onus of proving that the premium payable was received by a person, including an insurance agent, who was not authorised to receive such premium shall lie on the Company. Subject otherwise to the terms and conditions of this Policy.

TAX PROVISION

All premium and fees payable under this Policy may be subject to Tax. If Tax is imposed, it will be stated in the invoice and Zurich General Insurance Malaysia Berhad reserves the right to claim or collect the Tax from the Insured in addition to the premium and/or fees payable under this Policy.

Tax shall mean any present or future, direct or indirect, tax, levy or duty, including consumption tax or any tax of similar nature, which is imposed on goods and services by government or tax authority.

IMPORTANT

The Insured shall read this Policy carefully, and if any error or misdescription be found herein, or if the cover be not in accordance with the wishes of the Insured, advice should at once be given to the Company and the Policy returned for attention.

The benefit(s) payable under eligible product is protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact Zurich General Insurance Malaysia Berhad or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

In the event of discrepancy, ambiguity and conflict in interpreting any term or condition, the English version shall prevail and supersede the Bahasa Malaysia version.

PROCEDURES FOR MAKING INSURANCE COMPLAINTS

Please examine the insurance policy to ensure that it meets your requirement.

To avoid misunderstanding, it is very important that the Policy, the Schedule and any Endorsements attached therein be read thoroughly.

If you have any complaints or grievances pertaining to your policy, please contact your agent, if any or get in touch with our issuing office. We assure you that your complaints will be attended to promptly.

As a responsible insurer, we wish to bring to your attention that you could also address your dissatisfaction to the Ombudsman for Financial Services (OFS) or to Bank Negara Malaysia's Customer Service Bureau (CSB) as listed below.

Procedures for complaint to OFS

If you are not satisfied with the decision of the Company, you may write to the Mediator with details of the dispute and particulars of your policy.

If the Mediator makes an award against the Company, you are required to inform the Mediator of your decision to accept or deny the award within 14 (fourteen) days.

If you do not accept the award, you may reject the decision of the Mediator. You are free to institute a court proceeding against the Company or refer it to Arbitration.

You may communicate with the Company at:

Zurich General Insurance Malaysia Berhad

Level 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888 Call Centre: 1-300-888-622 E-mail: CallCentre@zurich.com.my

You may communicate with OFS at:

Ombudsman for Financial Services

(Formerly known as Financial Mediation Bureau)

Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2272 2811 Fax: Tel: 03-2272 2811 Email: enquiry@ofs.org.my Website: www.ofs.org.my

Procedures for complaint to CSB

Alternatively you may put forward your dissatisfaction over the conduct of the Company by writing to CSB giving details of your complaint and particulars of your policy to:

Contact Centre (BNMTELELINK)

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK), Bank Negara Malaysia,
P.O. Box 10922, 50929 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK) (Overseas: +603-2174 1717) Fax: +603-2174 1515
Email: bnmteletelink@bnm.gov.my

Zurich General Insurance Malaysia Berhad

Registration No. 201701035345 (1249516-V)

Level 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888 Call Centre: 1-300-888-622

www.zurich.com.my



Polisi Wang

BAHAWASANYA Yang Diinsuranskan yang dinamakan dalam Jadual kepada polisi ini yang menjalankan Perdagangan atau Perniagaan yang dihuraiakan dalam Jadual dan bukan yang lain bagi tujuan Perlindungan Kerugian ini, menerusi satu cadangan dan perakuan yang menjadi asas bagi kontrak ini dan dianggap sebagai terkandung di dalamnya, telah memohon kepada

Zurich General Insurance Malaysia Berhad (seterusnya dirujuk sebagai "Syarikat") untuk Perlindungan Kerugian yang terkandung seterusnya dan telah membayar atau bersetuju untuk membayar Premium yang dinyatakan dalam Jadual sebagai pertimbangan untuk mendapatkan Perlindungan Kerugian sedemikian bagi Tempoh Insurans yang dinyatakan dalam Jadual.

MAKA POLISI INI MEMPERAKUI bahawa tertakluk kepada peraturan-peraturan, pengecualian dan syarat-syarat yang terkandung dalam polisi ini atau diendorskan atau secara lain dinyatakan bersamanya, Syarikat akan memberikan Perlindungan Kerugian kepada Yang Diinsuranskan seperti yang ditafsirkan di sini terhadap tanggungan yang berbangkit daripada kemalangan yang berlaku dalam Tempoh Insurans yang dinyatakan dalam Jadual atau dalam sebarang tempoh untuk mana Syarikat telah menerima bayaran bagi pembaharuan Polisi ini.

PENGECUALIAN

Syarikat tidak akan bertanggungjawab terhadap :-

1. Kekurangan disebabkan oleh kesilapan perkeranian atau perakaunan dan kehilangan disebabkan oleh kesilapan dalam penerimaan atau pembayaran.
2. Kehilangan atau kerosakan oleh atau menerusi tindakan bersubahat oleh atau penggelapan secara penipuan oleh atau pelepasan secara penipuan oleh Pemegang Insurans atau mana-mana orang atau orang-orang yang berkhidmat dengan Pemegang Insurans.
3. Kehilangan atau kerosakan yang timbul daripada kenderaan yang tidak dijaga.
4. Kehilangan atau kerosakan yang berlaku di premis yang ditutup pada masa kehilangan atau kerosakan kecuali wang disimpan dalam peti keselamatan berkunci atau bilik kebal.
5. Kehilangan atau kerosakan yang berlaku di luar had-had wilayah yang dinyatakan dalam Jadual.
6. Walau apa pun kerugian berbangkit yang dialami.
7. Kehilangan atau kerosakan yang secara langsung atau tidak langsung, disebabkan oleh, berlaku kerana atau akibat daripada peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, pertempuran (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, penderhakaan, rusuhan, mogok, kekacauan awam, kuasa tentera atau rampasan kuasa, atau rampasan atau pemusnahan atas perintah mana-mana Pihak Berkuasa Kerajaan atau Awam atau oleh sebarang akibat langsung atau tidak langsung daripada sebarang kejadian sedemikian, dan sekiranya sebarang tuntutan dibuat di bawah ini Pemegang Insurans dikehendaki membuktikan bahawa kemalangan, kehilangan atau kerosakan itu timbul secara berasingan daripada dan sama sekali tidak berkaitan dengan atau disebabkan oleh atau antara lain disebabkan oleh atau dikesan berlaku kerana mana-mana kejadian sedemikian atau sebarang akibat daripadanya dan tanpa bukti tersebut Syarikat tidak bertanggungjawab untuk membuat sebarang bayaran bagi tuntutan tersebut.
8. Kehilangan atau kerosakan kepada apa pun harta benda atau apa pun kerugian atau perbelanjaan yang disebabkan oleh atau berpunca daripadanya atau sebarang kerugian berbangkit atau sebarang tanggungan biar apa pun bentuknya, yang:
 - (a) Secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau antara lain disebabkan oleh atau timbul daripada radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif dari sebarang bahan api nuklear atau dari sebarang sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran hendaklah termasuk sebarang proses pembelahan nuklear yang berkekalan sendiri.
 - (b) Secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau antara lain disebabkan oleh atau timbul daripada bahan senjata nuklear.
 - (c) Sebarang perlakuan keganasan.

9. Kehilangan atau kerosakan yang secara langsung atau tidak langsung, disebabkan oleh, berlaku kerana atau akibat daripada kesusutan nilai, penyitaan, pengambilan alih dan penjualan secara paksa (sama ada berkanun atau selainnya) atau perampasan oleh mana-mana Pihak Berkuasa.

KEADAAN YANG BERKAITAN

SEKSYEN A: WANG DALAM TRANSIT:

- (i) Dari Bank ke Premis Pemegang Insurans untuk pembayaran upah, gaji, pendapatan lain atau wang tunai runcit dari saat wang diterima di Bank oleh kakitangan atau wakil Pemegang Insurans yang diberi kuasa hingga diserahkan di Premis Pemegang Insurans dan (kecuali berkaitan wang tunai runcit) sepanjang masa ia berada di sana sehingga bayaran dibuat; dengan syarat semua wang yang tidak dibayar pada hari ia diterima dari Bank, disimpan dengan selamat dalam peti keselamatan berkunci atau bilik kebal Pemegang Insurans selepas waktu perniagaan. Cek yang dikeluarkan oleh Pemegang Insurans untuk membuat pembayaran sedemikian dilindungi semasa dalam transit dari Premis Pemegang Insurans ke Bank.
- (ii) Dari Premis Pemegang Insurans ke Bank semasa dalam kawalan peribadi kakitangan atau wakil Pemegang Insurans yang diberi kuasa.
- (iii) Dari saat diterima dan sehingga diserahkan ke Premis Pemegang Insurans atau Bank oleh kakitangan atau wakil Pemegang Insurans yang diberi kuasa dengan syarat semua wang diserahkan secara demikian pada hari yang sama ia diterima.

SEKSYEN B: WANG DALAM PETI KESELAMATAN BERKUNCI/BILIK KEBAL

Wang dalam peti keselamatan berkunci atau bilik kebal Pemegang Insurans berikutan kejadian pecah masuk secara paksa dan ganas ke dalam Premis atau akibat rompakan bersenjata atau rompakan ganas dan dengan syarat bahawa Pemegang Insurans hendaklah menyimpan rekod lengkap jumlah tunai dalam peti keselamatan berkunci atau bilik kebal dan dengan syarat selanjutnya bahawa liabiliti Syarikat hendaklah terhadap kepada jumlah tunai dinyatakan dalam rekod yang disimpan dalam peti keselamatan berkunci atau bilik kebal tersebut pada masa kehilangan.

ADALAH MENJADI SEBAHAGIAN WARANTI bahawa Insurans ini tidak melindungi kehilangan daripada peti keselamatan atau bilik kebal berikutan penggunaan kunci kepada peti keselamatan berkunci atau bilik kebal melainkan kuncinya diperolehi secara paksa dengan menggunakan ancaman atau keganasan.

ADALAH SETERUSNYA MENJADI SEBAHAGIAN WARANTI bahawa pada bila-bila masa Premis tidak dijaga, kunci dan rekod nombor kombinasi hendaklah dipindahkan dari Premis oleh Pemegang Insurans atau orang lain yang bertanggungjawab dan dicalonkan olehnya.

SEKSYEN C: KEROSAKAN KEPADA PETI KESELAMATAN

Kerosakan kepada peti keselamatan atau bilik kebal Pemegang Insurans berikutan kejadian pecah masuk secara paksa dan ganas ke dalam Premis atau akibat rompakan bersenjata dengan keganasan.

Tertakluk kepada Had Liabiliti yang dinyatakan dalam Jadual.

SYARAT-SYARAT

Polisi dan Jadual ini akan dibaca bersama sebagai satu kontrak dan sebarang perkataan atau pernyataan di mana makna khusus telah dikepilkan kepada mana-mana bahagian Polisi atau Jadual ini akan membawa makna khusus tersebut di mana-mana ia mungkin menampak.

1. Pematuhan dan penunaian Terma-terma, Syarat-syarat dan Endorsemen Polisi ini yang wajar sejauh mana berkaitan dengan apa-apa yang harus dilakukan atau dipatuhi oleh Pemegang Insurans akan menjadi syarat-syarat prajadi kepada sebarang liabiliti Syarikat untuk membuat bayaran bawah Polisi ini.
2. Sebaik sahaja berlaku sebarang kejadian yang menimbulkan atau mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini, Pemegang Insurans hendaklah:
 - a) Memberikan notis kepada polis dan menyediakan segala bantuan yang munasabah untuk mencari dan menghukum orang atau orang-orang yang bersalah dan mengesan dan mendapatkan semula harta benda yang hilang.
 - b) Memberikan notis mengenainya kepada Syarikat dan dalam tempoh 7 hari selepas kejadian tersebut menyerahkan kepada Syarikat tuntutan secara bertulis dan menyediakan segala butir-butir terperinci, keterangan dan bukti-bukti yang secara munasabah diperlukan oleh Syarikat.

3. Semua notis yang perlu diberikan oleh Pemegang Insurans kepada Syarikat mestilah dibuat secara bertulis dan dialamatkan kepada Syarikat dan notis atau pengetahuan mengenai sebarang perkara berkaitan dengan Polisi ini atau sebarang tuntutan di bawahnya tidak akan dianggap sebagai notis kepada atau dalam pengetahuan Syarikat melainkan ia diberikan sedemikian, dan sebarang perubahan kepada peraturan-peraturan Polisi ini, atau sebarang pengendorsan kepadanya, tidak dianggap sah melainkan ditandatangani atau diparap oleh seorang wakil yang diberi kuasa oleh Syarikat.
4. Syarikat pada bila-bila masa, dengan memberi notis 7 hari kepada Pemegang Insurans menerusi surat berdaftar ke alamat terakhirnya yang diketahui oleh Syarikat, mempunyai hak sepenuhnya untuk membatalkan Polisi ini dengan syarat sekiranya ini berlaku Syarikat hendaklah, apabila diminta, memulangkan kepada Pemegang Insurans bahagian bersekadar premium yang bersamaan dengan Tempoh Insurans yang belum lupus. Polisi ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Pemegang Insurans dengan memberikan notis 7 hari kepada Syarikat dan sekiranya ini berlaku Pemegang Insurans adalah berhak mendapat bayaran balik premium setelah ditolak premium dikira pada Kadar Jangka Pendek Syarikat bagi tempoh Polisi ini telah berkuatkuasa dalam Tempoh Insurans Semasa.
5. Syarikat boleh pada bila-bila masa atas perbelanjaan sendiri menggunakan segala kaedah undang-undang di atas nama Pemegang Insurans untuk mendapatkan semula mana-mana harta benda yang hilang dan yang menjadi asas untuk tuntutan di bawah Polisi ini dan Pemegang Insurans hendaklah memberikan segala bantuan yang munasabah untuk tujuan tersebut. Sebarang wang yang diperolehi semula selepas penyelesaian sebarang tuntutan di bawah Polisi ini akan menjadi hak milik Syarikat bagaimanapun tidak melebihi jumlah yang dibayar oleh Syarikat untuk tuntutan tersebut.
6. Premium di bawah Polisi ini dan segala Premium Pembaharuan yang mungkin diterima untuk risiko-risiko transit hendaklah ditetapkan mengikut jumlah wang seperti yang diuraikan dalam Jadual yang dilindungi sepanjang tempoh insurans semasa. Rekod tepat hendaklah disimpan dalam buku catatan Pemegang Insurans mengenai semua pemindahan wang dalam transit yang diinsuranskan sedemikian. Pemegang Insurans hendaklah pada setiap masa membenarkan Syarikat memeriksa buku-buku tersebut dan dalam masa 30 hari daripada tarikh luput setiap Tempoh Insurans hendaklah membekalkan kepada Syarikat akaun tepat mengenai semua pemindahan wang dalam transit yang diinsuranskan oleh Polisi ini sepanjang tempoh tersebut. Jika jumlah yang ditentukan berbeza daripada jumlah anggaran yang digunakan untuk mengira premium yang telah dibayar, perbezaan bayaran premium hendaklah dijelaskan menerusi bayaran tambahan bersekadar kepada Syarikat atau menerusi pembayaran balik oleh Syarikat mengikut keadaan.
7. Jika pada waktu berlakunya sebarang kehilangan yang dilindungi oleh Polisi ini, wujud sebarang insurans lain dalam apa-apa bentuk pun yang melindungi harta benda yang diinsuranskan atau mana-mana bahagian daripadanya, sama ada diambil oleh Pemegang Insurans atau tidak, maka Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membayar atau menyumbang lebih daripada bahagian bersekadarnya bagi sebarang kehilangan tersebut.
8. Tidak ada apa-apa yang terkandung dalam Polisi ini yang memberikan hak kepada mana-mana orang lain selain Pemegang Insurans untuk membuat tuntutan terhadap Syarikat, dan Syarikat tidak akan terikat oleh sebarang penyerahan kepentingan Pemegang Insurans selain akibat kematian, melainkan dan sehingga Syarikat mengisytiharkan, menerusi pengendorsan kepada Polisi ini, bahawa perlindungan insurans diteruskan.
9. Jika Cadangan atau Perakuan Pemegang Insurans tidak benar dalam sebarang hal, atau jika sebarang fakta penting yang boleh menjejaskan risiko disalahnyatakan di dalamnya atau gagal dinyatakan, atau jika insurans ini atau sebarang pembaharuannya diperolehi dengan memberikan sebarang pernyataan silap, salah nyata atau gagal dinyatakan, atau jika sebarang tuntutan yang dibuat adalah palsu atau ditokok tambah, atau jika sebarang perakuan atau pernyataan palsu dibuat sebagai menyokongnya, maka dalam sebarang kes tersebut, Polisi ini akan dianggap terbatal.
10. Semua pertentangan pendapat yang terbangkit daripada Polisi ini akan merujuk keputusan seorang Pendamai yang dilantik secara tulisan oleh pihak-pihak bertentangan atau jika mereka tidak boleh bersetuju akan seorang Pendamai kepada keputusan dua Pendamai yang dilantik setiap seorang secara tulisan oleh setiap pihak, dalam tempoh satu bulan kalendar setelah diperlukan secara tulisan untuk membuat sedemikian oleh mana-mana pihak atau dalam kes Pendamai-pendamai yang tidak bersetuju seorang Pengadil dilantik secara tulisan oleh Pendamai-pendamai sebelum memasuki ke atas rujukan. Pengadil akan bersidang bersama Pendamai dan mengetuai mesyuarat mereka dan Putusan yang dibuat akan menjadi syarat prajadi kepada sebarang hak bertindak bertentangan dengan Syarikat. Jika Syarikat menyangkal liabiliti kepada Pemegang Insurans bagi sebarang tuntutan mengikut ini dan tuntutan sebegini tidak, dalam tempoh dua belas bulan kalendar daripada tarikh penyangkalan tersebut, dirujuk kepada pendamaian di bawah peruntukkan terkandung di sini maka tuntutan untuk semua maksud akan dianggap telah dihentikan dan tidak akan selepas itu didapati semula mengikut ini.
11. Adalah menjadi syarat khas asasi dan mutlak kepada kontrak Insurans ini bahawa premium yang perlu dibayar mesti dibayar dan diterima oleh Syarikat dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh berkuatkuasanya Polisi/Pengendorsan/Sijil Pembaharuan ini. Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi maka kontrak ini dibatalkan secara automatik dan Syarikat berhak untuk mengenakan bayaran premium secara pro rata bagi tempoh mereka menanggung risiko. Di mana premium yang perlu dibayar di bawah waranti ini diterima oleh ejen Syarikat yang bertauliah, bayaran tersebut hendaklah dianggap sebagai diterima oleh Syarikat untuk tujuan waranti ini dan tanggungjawab membuktikan premium yang perlu dibayar telah diterima oleh seseorang, termasuk ejen insurans yang tidak bertauliah untuk menerima premium tersebut, terletak pada pihak Syarikat. Tertakluk selain ini kepada peraturan-peraturan dan syarat-syarat Polisi ini.

PERUNTUKAN CUKAI

Semua premium dan yuran di bawah Polisi ini mungkin tertakluk kepada Cukai. Sekiranya Cukai dikenakan, ia akan dinyatakan dalam invoice dan Zurich General Insurance Malaysia Berhad berhak untuk menuntut atau mengutip Cukai daripada pemilik polisi yang Diinsuranskan sebagai tambahan kepada premium dan/atau yuran yang perlu dibayar di bawah Polisi ini.

Cukai ialah apa-apa bayaran semasa atau akan datang, langsung atau tidak langsung, cukai, levi atau duti termasuk cukai penggunaan atau apa-apa cukai seumpamanya, yang dikenakan kepada barangan atau perkhidmatan oleh kerajaan atau pihak berkuasa percukaian.

PENTING

Pihak Diinsuranskan hendaklah membaca Polisi ini dengan teliti, dan jika terdapat kesilapan atau keterangan yang salah, atau jika perlindungan tidak mengikut kehendak Pihak Diinsuranskan, nasihat hendaklah pada sekali diberikan kepada Syarikat dan mengembalikan Polisi untuk perhatian.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Zurich General Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Sekiranya terdapat kekeliruan, kekaburan dan konflik dalam pentafsiran mana-mana terma atau syarat, versi Bahasa Inggeris adalah terpakai dan mengatasi versi Bahasa Malaysia.

TATACARA UNTUK MEMBUAT ADUAN INSURANS

Sila periksa polisi insurans untuk memastikan bahawa ia memenuhi keperluan anda.

Bagi mengelakkan salah tafsiran, adalah penting bahawa Polisi, Jadual dan sebarang Endorsemen yang dilampirkan di sini dibaca keseluruhannya.

Jika anda mempunyai sebarang aduan atau ketidakpuasan hati berkenaan polisi anda, sila hubungi ejen anda, sekiranya ada, atau hubungi pejabat di mana polisi dikeluarkan.

Sebagai penginsurans yang bertanggungjawab, kami ingin memaklumkan bahawa anda juga boleh menyuarakan ketidakpuasan hati anda kepada Biro Pengantaraan Kewangan atau kepada Pusat Khidmat Pelanggan, Bank Negara Malaysia yang disenaraikan di bawah.

TATACARA ADUAN KEPADA OMBUDSMAN FOR FINANCIAL SERVICES

Jika anda tidak berpuashati dengan keputusan pihak Syarikat, anda boleh menulis kepada pihak Pengantara dengan menyertakan maklumat mengenai percanggahan dan butir-butir polisi anda.

Jika pihak Pengantara membuat keputusan menyangkal tindakan Syarikat, anda dikehendaki memaklumkan pihak Pengantara mengenai keputusan anda untuk menerima atau menolak keputusan pihak Pengantara dalam masa 14 (empat belas) hari.

Jika anda tidak bersetuju dengan keputusan berkenaan, anda boleh menolak keputusan Pengantara. Anda bebas untuk mengambil tindakan mahkamah terhadap pihak Syarikat atau merujukkannya kepada pihak Penimbangtaraan.

Anda boleh membuat aduan dengan pihak Syarikat di:

Zurich General Insurance Malaysia Berhad

Tingkat 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622 E-mel: CallCentre@zurich.com.my

Anda boleh menghubungi OFS di:

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)

(Dulu dikenali sebagai Biro Timbang Tara Kewangan)

Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

Tel: 603-2272 2811 Faks: 603-2272 1577 E-mel: enquiry@ofs.org.my Laman web:www.ofs.org.my

Tatacara aduan kepada Pusat Khidmat Pelanggan

Sebagai pilihan, anda boleh mengemukakan ketidakpuasan hati anda mengenai tindakan Syarikat dengan menulis kepada Pusat Khidmat Pelanggan dengan menyertakan aduan dan butir-butir polisi anda kepada:

Pusat Perhubungan (BNMTELELINK)

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK), Bank Negara Malaysia,

Peti Surat 10922, 50929 Kuala Lumpur.

Tel: 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK) (Luar negara: +603-2174 1717) Faks: 03-2174 1515

E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

Zurich General Insurance Malaysia Berhad

No. Pendaftaran 201701035345 (1249516-V)

Tingkat 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622

www.zurich.com.my

